

Jumaat, 1 Julai 2016

1. KDNK Malaysia tumbuh 4.4%

KUALA LUMPUR 30 Jun - Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjur tumbuh 4.4 peratus pada 2016 dan 4.5 peratus pada 2017, demikian menurut Bank Dunia.

Unjuran itu mencerminkan penurunan perlahaan-lahan penggunaan swasta di Malaysia disebabkan pasaran buruh yang lemah dan pelarasan penyepaduan fiskal secara berterusan.

Pelaburan swasta juga dijangkakan perlahaan ekoran harga komoditi dan pertumbuhan ekonomi dunia yang kekal rendah, demikian menurut laporan *Malaysia Economic Monitor* oleh Bank Dunia di sini hari ini.

Laporan itu menyebut risiko utama yang dihadapi ekonomi Malaysia akibat ketidakstabilan harga komoditi dan ketidaktentuan terhadap trajektori pertumbuhan ekonomi dunia serta impaknya ke atas eksport Malaysia.

Malaysia Economic Monitor memuatkan fokus khusus ke atas relevannya perjanjian-perjanjian perdagangan bebas strategik yang dapat membantu dalam pembaharuan ekonomi utama yang diperlukan bagi menyegerakan peralihan Malaysia untuk merealisasikan status negara berpendapatan tinggi.

Bank Dunia berkata, Malaysia kini terlibat dalam beberapa perjanjian serantau generasi baharu, termasuk Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP), Perjanjian Perkongisan Trans-Pasifik (TPPA) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Kesatuan Eropah (EUFTA).

"Perjanjian-perjanjian ini mampu membantu menarik pelaburan, memacu inovasi dan peningkatan teknologi, sekali gus membuka akses pasaran untuk eksport barang dan perkhidmatan Malaysia.

"Ia juga memberi manfaat menerusi pembaharuan dalam bidang baharu yang tidak termasuk dalam perjanjian lepas, seperti dasar persaingan, pemerolehan kerajaan, pertikaian pelaburan negara dan dasar pelaburan," katanya.

Laporan itu turut menyebut bahawa perjanjian perdagangan baharu mampu melonjakkan agenda pembaharuan Malaysia dalam empat bidang utama iaitu perkhidmatan, pelaburan, persaingan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dalam sektor perkhidmatan, Bank Dunia berkata, Malaysia masih ketinggalan berbanding banyak negara di Asia Tenggara dari segi sumbangan kepada KDNK dan eksport.

Pasaran perkhidmatan yang cekap dapat membantu meningkatkan daya saing Malaysia.

Bagi PKS, sektor ini mewakili 97.3 peratus firma dan menyumbang 35.9 peratus kepada KDNK pada 2015, namun hanya menyumbang 17.8 peratus daripada eksport.

"Kebanyakannya kurang produktif berbanding syarikat besar, dan kekangan yang dihadapi oleh PKS ini perlu ditangani bagi meningkatkan produktiviti dan meraih manfaat daripada peluang perdagangan baharu muncul," kata Bank Dunia. - BERNAMA



Selasa, 12 Julai 2016

2. Agihan kontrak 2016 rekod nilai tertinggi

KUALA LUMPUR 11 Julai - Tahun 2016 bakal merekodkan nilai agihan kontrak sektor pembinaan domestik paling tinggi dalam sejarah, apabila nilai yang terkumpul setakat separuh pertama tahun ini sebanyak RM37.7 bilion adalah lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Projek aliran transit massa 2 (MRT2) menjadi penyumbang utama kepada nilai agihan tersebut yang menyumbang lebih RM15 bilion.

Mengikut pengumpulan data, tahun 2012 merupakan rekod agihan kontrak sektor pembinaan dengan nilai sebanyak RM27.9 bilion yang disumbangkan oleh Projek MRT pertama yang menghubungkan Sungai Buloh-Kajang.

Malah Penganalisis HLIB Research, Jeremy Goh berkata, lebih banyak lagi kontrak-kontrak sektor pembinaan bakal dilancarkan pada separuh kedua tahun ini merangkumi MRT2 dan beberapa lebuhraya di dalam Lembah Klang serta Lebuhraya Pan Borneo.

Berdasarkan anggarannya, dijangka sekitar RM25 bilion lagi nilai kontrak bakal diagihkan dengan Lebuhraya Pan Borneo antara RM10 bilion hingga RM12 bilion dan aliran transit ringan 3 (LRT3) bernilai RM9 bilion.

"Aliran kontrak pembinaan dijangka akan terus positif dengan pembangunan pesat di Lembah Klang. Ini termasuklah projek hertanag seperti Tun Razak Exchange (TRX), Kwasa Damansara, Bukit Bintang City Centre, Cyberjaya City Centre dan Bandar Malaysia," katanya dalam nota kajiannya.

Antara syarikat yang berjaya meraih kontrak pembinaan yang bernilai tinggi ialah Sunway Construction, IJM Corporation dan syarikat milik bumiputera Ahmad Zaki Resources Bhd. (AZRB) daripada projek MRT2.

Jelas Goh lagi, syarikat-syarikat tempatan kini lebih menumpukan usaha untuk mendapatkan kontrak-kontrak pembinaan di dalam negara, hasil beberapa projek mega yang diumumkan oleh kerajaan.

Jelasnya, ia boleh menjadi antara sebab mengapa nilai kontrak yang diraih oleh syarikat-syarikat Malaysia di pasaran asing telah merosot 57 peratus kepada RM1.1 bilion setakat enam bulan pertama 2016.

Syarikat pembinaan Eversendai merupakan syarikat utama yang meraih kontrak kerja daripada beberapa negara asing seperti Dubai, Abu Dhabi dan Thailand dengan nilai hampir RM700 juta.



Rabu, 13 Julai 2016

3. Tiga agensi perlu selaraskan sistem saman

KUALA LUMPUR 13 Julai - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) diarahkan supaya mewujudkan sistem bersepadu bagi menyelaraskan operasi penguatkuasaan saman masing-masing, dalam tempoh terdekat.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, beliau telah mengeluarkan arahan itu kepada Ketua Pengarah JPJ, Datuk Nadzri Siron selepas mengadakan mesyuarat di pejabatnya di Putrajaya, hari ini.

Katanya, buat masa ini JPJ menggunakan sistem pengkomputeran mySikap, manakala PDRM dan SPAD mempunyai sistem masing-masing dalam menjalankan operasi penguatkuasaan jalan raya.

"Kesemua sistem tersebut berfungsi secara berasingan dan tidak mempunyai jalinan yang boleh diakses antara satu sama lain. Keadaan itu menimbulkan masalah kepada JPJ untuk menyenarai hitam pemandu, pengendali dan bas ekspres kerana kita tidak mengetahui rekod saman yang dikeluarkan oleh polis dan SPAD terhadap mereka.

"Justeru, hasil perbincangan dengan JPJ tadi, saya telah mengarahkan Nadzri mengadakan pertemuan segera dengan polis serta SPAD bagi menyelaraskan sistem saman ketiga-tiga agensi penguat kuasa ini dan ia perlu dilakukan segera agar masalah ini tidak berterusan hingga menyebabkan ramai lagi menjadi mangsa," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai siasatan rawak Utusan Malaysia mendapati 38 daripada 72 bas ekspres melakukan kesalahan trafik, malah ada antaranya memiliki 30 hingga 80 saman.

Jelas Tiong Lai, beliau tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak dalam kes pertindihan penguatkuasaan itu, sebaliknya mahu tindakan penyelesaian dilaksanakan segera.

Katanya, beliau sedih apabila menyaksikan setiap tahun apabila menjelang musim perayaan, bilangan kemalangan jalan raya berulang terutamanya yang melibatkan bas ekspres.

"Kita tidak mahu lagi pemandu dan pengendali bas ekspres yang cuai serta tidak bertanggungjawab terlepas. Tindakan tegas dan komprehensif perlu dilaksanakan segera," katanya.



Khamis, 14 Julai 2016

4. Siapa bertanggungjawab JPJ SPAD atau polis?

Tindakan ke aras bas ekspres miliki saman tertunggak

KUALA LUMPUR 13 Julai - Isu siapa yang perlu bertindak ke atas bas ekspres yang mempunyai saman tertunggak manakala pemandunya memiliki waran tangkap bagaikan tiada penyelesaiannya.

Ia memandangkan ketika diminta mengulas pendedahan Utusan Malaysia hari ini berhubung perkara itu, sama ada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mahupun Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) masing-masing memberikan alasan sendiri kenapa tindakan tidak boleh dilakukan.

Ketika dihubungi Ketua Pengarah JPJ, **Datuk Nadzri Siron** berkata, kesemua pemandu dan bas ekspres yang beroperasi di seluruh negara ketika ini bebas daripada senarai hitam jabatan tersebut.

Malah beliau turut menegaskan, kesemua saman yang dilaporkan dalam siasatan rawak akhbar ini ke atas bas ekspres, bukan daripada JPJ sebaliknya dikeluarkan oleh pihak polis.

"Kebanyakan saman yang dikeluarkan oleh JPJ terhadap bas ekspres atas kesalahan memandu melebihi had laju dan melanggar lampu isyarat di bawah Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

"Walau bagaimanapun, terdapat kekangan untuk JPJ mengambil tindakan terhadap pesalah AES kerana sistem itu masih dalam proses pindaan untuk digabungkan dengan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara).

"Sistem ini perlu penambahbaikan kerana buat masa ini mereka yang melakukan kesalahan AES hanya disaman dan tidak disenaraihitamkan. Jadi mereka masih boleh memandu kenderaan," katanya.

Dalam siasatan rawak oleh Utusan Malaysia mendapati 38 daripada 72 bas ekspres melakukan kesalahan trafik. Ada antaranya memiliki 30 hingga 80 saman.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd. **Azharuddin Mat Sah** ketika diminta mengulas perkara yang sama berkata, pihaknya sedang merangka sistem bersepodu yang melibatkan tiga agensi penguat kuasa iaitu polis, JPJ dan SPAD.

Katanya, langkah itu perlu dilakukan bagi memudahkan penguatkuasaan antara ketiga-tiga agensi itu dilaksanakan kelak selain mengelak berlakunya pertindihan penguatkuasaan.

"Misalnya, SPAD tidak boleh mengambil tindakan terhadap pemandu bas ekspres yang melakukan kesalahan trafik berikutan tidak mempunyai maklumat mengenai saman tersebut kerana ia di bawah bidang kuasa JPJ dan polis.

"Atas sebab itu, SPAD masih mengeluarkan lesen kepada pengusaha bas ekspres kerana berdasarkan rekod dan pemeriksaan kita mendapati pemandu dan kenderaan itu bersih," katanya.

Berdasarkan ulasan tersebut ia menimbulkan persoalan siapa sebenarnya bertanggungjawab bagi mengambil tindakan ke atas bas ekspres dan pemandunya yang melakukan kesalahan trafik serta mempunyai saman tertunggak.

JPJ mendakwa mereka tidak boleh mengambil tindakan kerana saman tersebut dikeluarkan oleh polis trafik, SPAD pula berkata ia tidak mempunyai kuasa untuk bertindak ke atas bas ekspres.

Keadaan tersebut bagaikan episod 'bangau oh bangau', masing-masing menuding jari dan sikap seumpama itu sudah tentulah menggembirakan syarikat bas yang kenderaan mereka memiliki saman tertunggak kerana seolah-olah tiada siapa boleh mengambil tindakan ke atas mereka.

Apapun JPJ, SPAD mahupun polis trafik perlu mencari penyelesaian jika benar wujudnya pertindihan kuasa antara mereka sehingga menyukarkan tindakan diambil ke atas bas ekspres.



Khamis, 14 Julai 2016

5. 12 lesen dibatal, 118 pengawal ditahan

KUALA LUMPUR 13 Julai - Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah membatalkan lesen 12 syarikat kawalan keselamatan sejak awal tahun ini kerana melakukan pelbagai kesalahan.

Ketua Penolong Setiausaha KDN, Hanafee Yusof berkata antara kesalahan ialah menggunakan pengawal keselamatan warga asing haram dan gagal membayar gaji pekerja berdasarkan kadar yang ditetapkan mengikut kontrak.

Beliau berkata dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, sejumlah 118 pengawal keselamatan haram ditahan dalam operasi bersepadu melibatkan KDN, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Beliau berkata pemilik premis perniagaan dan persatuan penduduk mengundang risiko dengan menggunakan khidmat pengawal keselamatan haram tanpa mengetahui latar belakang mereka yang ditugaskan di kawasan masing-masing.

Tanpa saringan, katanya, mereka yang menggunakan khidmat pengawal keselamatan haram berkemungkinan menanggung risiko berlaku kejadian jenayah di tempat atau kawasan perumahan mereka.

"Kalau tidak melalui prosedur pengambilan yang ditetapkan, majikan boleh terlepas pandang atau tidak tahu individu yang diambil itu mempunyai rekod jenayah atau terlibat dalam kegiatan haram seperti gangsterism," katanya kepada Bernama di sini.

Katanya faktor itu juga menyebabkan ada risiko berlaku kejadian samun, pecah rumah dan curi kenderaan dalam kawasan-kawasan perumahan yang menggunakan khidmat pengawal keselamatan.

Tegas beliau, aspek keselamatan tidak sepatutnya dikompromi oleh syarikat kawalan keselamatan, pemilik premis maupun persatuan penduduk dengan menggaji pengawal keselamatan tanpa berdaftar dan dengan kadar bayaran yang rendah.

Hanafee berkata, trend terbaru pengambilan pegawai keselamatan yang tidak terlatih dan tidak memiliki dokumen pengenalan diri perlu dibendung segera bagi menurunkan kadar jenayah secara keseluruhan.

Justeru, katanya, tindakan undang-undang tetap diambil terhadap syarikat atau ejen persendirian yang mengupah pekerja asing tanpa izin bekerja sebagai pengawal keselamatan.-BERNAMA



Khamis, 21 Julai 2016

6. Siasatan 1MDB masuk fasa kedua

KUALA LUMPUR 21 Julai - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memulakan siasatan fasa kedua berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam tempoh terdekat.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, pihaknya hampir selesaikan fasa pertama isu tersebut dan telah memanggil lebih 25 individu untuk rakam percakapan termasuk bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

"Dalam fasa kedua ini, kita akan menghantar pegawai ke luar negara untuk rakam percakapan saksi yang berada di sana.

"Kita komited dalam menjalankan tanggungjawab berdasarkan lima syor yang disarankan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



Khamis, 21 Julai 2016

7. Saman civil Jabatan Kehakiman AS tidak namakan Perdana Menteri sebagai defendant

PUTRAJAYA 21 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak dinamakan sebagai defendant atau dikatakan melakukan sebarang salah laku jenayah dalam saman civil oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (AS) ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kata Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

Mohamed Apandi turut memandang berat terhadap sindiran dan dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadap Perdana Menteri mengenai apa yang dikatakan salah laku jenayah berhubung tindakan sivil yang difaiklan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat.

"Peguam Negara ingin menjelaskan bahawa tindakan sivil yang difaiklan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat langsung tidak menamakan Perdana Menteri sebagai defendant atau dikatakan telah melakukan salah laku jenayah," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata pada masa ini, siasatan sedang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia mengenai perkara-perkara berkaitan 1MDB.

"Oleh kerana siasatan sedang dijalankan, adalah tidak wajar untuk mendedahkan butiran yang mungkin boleh menjelaskan siasatan. Peguam Negara harus menegaskan bahawa adalah penting untuk mengekalkan integriti siasatan supaya orang ramai tidak meragui hasil siasatan," kata Mohamed Apandi.

Beliau menambah, sehingga kini Jabatan Peguam Negara belum menerima sebarang permintaan daripada Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat untuk mendapatkan maklumat atau bukti.

"Bagaimanapun, kami mengalu-alukan permintaan seperti itu selaras dengan komitmen kami dalam kerjasama dan kolaborasi antarabangsa dalam memerangi pengubahan wang haram dan amalan rasuah," kata beliau.

Beliau turut menekankan bahawa sebagai Pendakwa raya, beliau tidak teragak-agak untuk memulakan prosiding terhadap pelaku perlakuan jenayah jika ada bukti yang mencukupi untuk berbuat demikian.

"Sebarang salah laku mesti dan akan dihukum. Malaysia sentiasa mendukung prinsip kedaulatan undang-undang," katanya.

Peguam Negara berkata tindakan sivil telah difaikkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat bagi pelucutan hak aset-aset berkaitan dan bahawa perkara itu kini tertakluk di bawah mahkamah sivil di Amerika Syarikat. - BERNAMA



Jumaat, 22 Julai 2016

8. Tiada pengecualian jika terbukti salah laku

KUALA LUMPUR 21 Julai - Seperti yang sering ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, undang-undang akan dikuatkuasakan tanpa pengecualian jika terbukti berlaku sebarang salah laku berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kata Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad.

Beliau berkata, 1MDB, dana pelaburan kerajaan telah menjadi bahan pelbagai siasatan di Malaysia termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ketua audit negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara yang dwipartisan.

"Pihak berkuasa Malaysia yang telah memulakan siasatan ke atas 1MDB. Selepas penyiasatan menyeluruh, Peguam Negara mendapati tiada kesalahan jenayah dilakukan dan 1MDB masih menjadi bahan siasatan Polis Diraja Malaysia.

"Kita mengambil maklum tindakan undang-undang sivil Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat terhadap pelbagai aset," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Seperti yang ditegaskan sebelum ini katanya, kerajaan Malaysia akan memberikan kerjasama penuh terhadap siasatan mengikut undang-undang ke atas syarikat Malaysia dan rakyatnya tertakluk kepada protokol antarabangsa. - BERNAMA



Jumaat, 22 Julai 2016

9. Kerajaan pandang serius laporan DOJ - PM

KUALA LUMPUR 21 Julai - Perdana Menteri menjelaskan kerajaan memandang serius terhadap laporan Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat (AS) yang disiarkan semalam dan sedia bekerjasama dengan semua pihak serta badan siasatan di peringkat antarabangsa.

Menurut Datuk Seri Najib Tun Razak, walau bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa laporan mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) itu merupakan tindakan sivil dan bukan jenayah.

"Pendirian kita selama ini adalah tidak mahu melihat apa-apa perbuatan yang boleh melanggari undang-undang.

"Oleh itu, proses tersebut perlu dihormati iaitu seseorang itu boleh membela diri sendiri atau menggunakan proses kehakiman dan kita tidak sewajarnya membuat apa-apa kesimpulan selagi proses itu belum selesai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Mesra Aidilfitri Kumpulan Felda di Menara Felda di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim dan Pengurus Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad.

Mengulas lanjut, Najib berkata, atas sebab itu kerajaan tidak mahu mana-mana pihak membuat anggapan terhadap kerajaan.

Tegas beliau, kerajaan sentiasa mengutamakan tadbir urus yang baik dalam sistem pentadbiran.

Ketika ditanya, adakah kes itu akan menjelaskan hubungan Malaysia dengan AS, jelas Najib; "Tidak kerana kes ini hanya melibatkan beberapa individu dan bukan polisi antara kedua-dua negara."



Rabu, 27 Julai 2016

10. Pengarah ICU hadapi dua tuduhan rasuah

PULAU PINANG 26 Julai - Seorang Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) Pulau Pinang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua pertuduhan rasuah membabitkan jumlah lebih RM50,000, tiga tahun lalu.

Mohd. Nor Rejab, 54, yang bertugas sebagai Pengarah Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang di jabatan itu membuat pengakuan demikian selepas pertuduhan tersebut dibacakan jurubahasa kepadanya di hadapan Hakim Irwan Suaibon.

Mengikut pertuduhan pertama, Mohd. Nor semasa bertugas sebagai Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Pembangunan di Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan bernilai RM26,162.50.

Perbuatan itu didakwa dilakukan dengan cara memperakukan baucar bayaran bagi pembekalan baju makmal (lab coat) untuk kegunaan pembantu makmal sekolah di negeri ini kepada syarikat Nur Ehsan Maju Enterprise yang dia mempunyai kepentingan dalam syarikat berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Pejabat Jabatan Pendidikan negeri pada 17 Oktober 2013.

Mohd. Nor didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa bersetuju menerima wang berjumlah RM24,656 melalui cek dengan tidak mendapat balasan daripada individu bernama Syed Mohamed Mohamed Farook yang mempunyai hubungan kerja rasmi dengannya di Maybank cawangan Jalan Penang di sini pada 24 Oktober 2013.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Irwan memberarkan Mohd. Nor diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan diperintahkan menyerahkan pasport miliknya kepada mahkamah.

Mahkamah turut menetapkan 30 Ogos ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Ghazali Muhamad Nadzri manakala tertuduh diwakili peguam, A. Ashok dan Abdul Fareed Gafoor.



Khamis, 28 Julai 2016

11. Projek dihentikan jika kontraktor gagal patuhi syarat

KUALA LUMPUR 28 Julai - Jabatan Kerja Raya (JKR) akan bertindak tegas dengan mengeluarkan arahan pemberhentian kerja serta merta terhadap pihak kontraktor yang didapati gagal mematuhi syarat ditetapkan sehingga mampu mendatangkan bahaya, masalah dan kesulitan kepada pengguna jalan raya.

Pemangku Ketua Pengarah JKR, Datuk Ir. Dr. Roslan Md. Taha berkata, pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengeluarkan arahan berkenaan sekiranya kontraktor dilantik bagi menjalankan sebarang projek di bawah seliaan jabatan tersebut gagal mematuhi syarat kerja dikeluarkan.

"Sebelum mana-mana projek dimulakan, syarat pematuhan termasuk Pelan Pengurusan Trafik (TMP) akan dikeluarkan bagi memastikan pelaksanaan projek tidak mengganggu kelancaran trafik, aspek keselamatan tidak diabaikan selain menjamin kualiti jalan tidak terjejas sehingga projek itu selesai.

"Pihak kami akan memantau dari semasa ke semasa dan pada masa sama sekiranya kita menerima aduan kita akan teliti dan kalau benar berlaku kita akan mengeluarkan arahan tersebut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan khas Utusan Malaysia mengenai 'penyakit-penyakit jalan raya' yang biasa berlaku di sekitar Lembah Klang.

Laporan khas tiga siri itu turut memaparkan isu jalan rosak, jalan tidak diselenggara dengan baik, pengabaian aspek keselamatan di projek pembentungan dan utiliti yang bukan sahaja akan menjadi punca kepada gangguan trafik malah mengundang risiko kemalangan sekali gus mampu meragut nyawa khususnya pengguna jalan raya.

Mengulas lanjut tindakan susulan sekiranya kontraktor masih gagal mematuhi syarat walaupun telah diberikan arahan pemberhentian kerja, Roslan memberitahu, kontrak syarikat atau kontraktor terbabit boleh ditamatkan sekiranya masih ingkar dengan syarat ditetapkan.

"Paling tidak kita akan melantik pihak ketiga bagi meneruskan kerja yang tidak disiapkan dan segala bayaran akan ditanggung oleh syarikat atau kontraktor awal," ujarnya.

Sabtu, 30 Julai 2016

12. 28 pegawai imigresen bawa masuk 10,000 warga asing



KUALA LUMPUR 29 Julai - Sebanyak 28 pegawai imigresen yang ditahan dalam operasi khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) bermula awal Mei hingga Selasa lalu dipercayai terlibat menyeludup masuk dan keluar lebih 10,000 warga asing ke negara ini sejak lima tahun lalu.

Kegiatan penyeludupan itu dipercayai dilakukan bukan hanya melalui lapangan terbang negara tetapi juga di semua pintu masuk negara, termasuk darat dan air.

Menurut sumber, kebanyakan warga asing yang dibawa masuk adalah rakyat Bangladesh diikuti India, Afrika, China, Vietnam, Indonesia dan Sri Lanka.

Ujarnya, selain bekerja secara haram, terdapat warga asing yang dipercayai menunggu masa untuk diuruskan pergi ke negara ketiga dengan menjadikan negara ini sebagai transit.

Jelasnya, mereka akan berurusan dengan ejen bagi mendapatkan pasport tempatan yang telah dipalsukan dan ejen pula kemudiannya akan menggunakan pegawai imigresen terlibat bagi proses seterusnya.

"Setiap warga asing yang masuk akan dikenakan bayaran antara RM300 dan RM5,000 oleh ejen mengikut negara.., dan pegawai imigresen terlibat pula akan menerima bayaran lebih kurang sama (dengan ejen) berdasarkan jumlah warga asing yang perlu diseludup," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Sumber itu memberitahu, kesemua warga asing yang dibawa masuk tidak mengikuti prosedur yang sah seperti keperluan menjalani saringan kesihatan dan dikhuatiri boleh menjadi punca merebaknya penyakit-penyakit berjangkit dan berbahaya di negara ini.

Semalam, media melaporkan sebanyak 28 pegawai imigresen termasuk isteri seorang pelakon terkenal ditahan kerana terlibat dalam kegiatan penyeludupan manusia.

Kesemua mereka yang berusia antara 23 hingga 35 tahun. Sebanyak 15 orang ditahan dalam operasi awal Mei dan 13 lagi ditahan Selasa lalu.

Utusan Malaysia melalui laporan eksklusif pada 10 Mei dan 11 Mei lalu melaporkan mengenai 'keistimewaan' lebih 10 sindiket penyeludupan manusia dan pemalsuan pasport yang dikesan sewenang-wenangnya menjadikan kedua-dua lapangan terbang utama negara sebagai pusat transit warga asing sebelum berlepas ke negara ketiga.

Sindiket itu juga menyebabkan kira-kira 10 warga keluar menggunakan pasport palsu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2 setiap hari sejak awal tahun ini.

Maklumat itu adalah hasil siasatan PDRM susulan penahanan dua pegawai imigresen bersama 17 individu lain dalam satu operasi khas di sekitar Lembah Klang pada awal tahun ini.